

**PANDUAN
PENDAFTARAN PELAJAR BARU
SESI JANUARI 2010**

ALUAN PENGARAH POLITEKNIK MELIMAU MELAKA

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera.

Sekalung tahniah diucapkan kepada semua pelajar yang berjaya mendapat tempat untuk menyambung pengajian di Politeknik Merlimau Melaka (PMM). Adalah diharapkan agar semua pelajar akan berusaha bersungguh-sungguh bagi mencapai kecemerlangan dalam program yang dipilih seiring dengan misi Politeknik untuk menghasilkan tenaga kerja separa profesional yang berkualiti bagi menampung keperluan sektor awam dan swasta di Malaysia.

Saya amat berharap agar para pelajar baru dapat menggunakan Buku Panduan Pendaftaran Pelajar Baru ini sebagai panduan supaya sesi pendaftaran sebagai warga PMM nanti dapat berjalan dengan baik dan lancar. Akhir kata, saya dan seluruh warga PMM mengalu-alukan kedatangan para pelajar baru dan mengharapkan agar setiap pelajar menggunakan peluang yang ada bagi mengukir kejayaan sebagai seorang insan yang cemerlang. Akhir kata **SELAMAT MAJU JAYA.**

Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

**Pengarah
Politeknik Merlimau Melaka**

SELAMAT DATANG

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera.

Tahniah diucapkan kepada semua siswa dan siswi Pelajar Baru kerana berjaya mendapat tempat pengajian di Politeknik Merlimau Melaka. Sehubungan dengan itu, anda dikehendaki mendaftar diri sebagaimana yang di cetak pada Surat Pendaftaran Pelajar Baru.

Sila fahami isi kandungan Buku Panduan Pendaftaran Pelajar Baru ini dan melengkapkan semua borang-borang pendaftaran yang disertakan. Akhir kata, kami mengalu-alukan kedatangan bakal pelajar baru dan mengharapkan agar perjalanan bersama keluarga ke politeknik ini nanti berada dalam keadaan selamat hendaknya. Sekian, terima kasih.

**Jabatan Hal Ehwal Pelajar
Politeknik Merlimau Melaka**

**MAKLUMAT UMUM
POLITEKNIK MERLIMAU
MELAKA**

VISI

Menjadi pusat kecemerlangan pendidikan dalam bidang kejuruteraan, perdagangan dan hospitaliti serta berazam melahirkan graduan yang berketrampilan, berakhlak mulia dan bertanggungjawab selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

MISI

Menghasilkan tenaga kerja separa professional yang berkualiti begi menampung keperluan sektor awam dan swasta di Malaysia.

PIAGAM PELANGGAN

1. Proses pendaftaran pelajar diselesaikan pada hari yang sama bagi calon yang mengemukakan dokumen pendaftaran yang lengkap.
2. Status tindakan terhadap aduan pelanggan dimaklumkan kepada pengadu dalam masa 2 minggu selepas aduan diterima.
3. Keputusan peperiksaan akhir diproses dalam masa 2 minggu selepas peperiksaan berakhir.
4. Melaksanakan 100% penyeliaan ke atas semua pelajar yang sedang menjalani Latihan Industri pada setiap semester.

PENDAFTARAN PELAJAR BARU

PERINGATAN:

Pembayaran yuran-yuran perlu dibuat di bank-bank mengikut jumlah yang telah ditetapkan oleh kami. Sebarang pembayaran yuran menggunakan **CEK** mestilah dibayar kepada **KOPERASI POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA BERHAD**.

Pelajar yang mendapat tawaran asrama **TIDAK DIBENARKAN** membawa kenderaan sendiri.

Borang HHPBK 1 – Maklumat Peribadi Mestilah **DISEMPURNAKAN**

Semua dokumen berikut **MESTILAH DITANDATANGAN** pelajar, ibubapa/penjaga dan *saksi

1. HHPBK 2: Ikrar Pelajar
2. HHPBK 3: Akuan Pelajar
3. HHPBK 4: Kebenaran Bius

Borang HHBK5- Pemeriksaan Perubatan (Di Cop dan Tandangan oleh Doktor Perubatan Kerajaan/Swasta yang SAH. Pihak kami **TIDAK** menanggung sebarang kos pemeriksaan tersebut. Filem X-Ray **TIDAK PERLU** disertakan

Segala dokumen **ASAL** perlu dibawa bersama oleh pelajar.

* **Saksi MESTILAH** Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dab Profesional/ Guru Besar/ Penghulu/ Ketua Kampung/ Ketua Kaum

PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BARU

Baca maklumat am berikut dengan teliti dan sila ambil tindakan yang sewajarnya agar proses pendaftaran anda dapat berjalan dengan lancar dan memulakan pengajian anda di politeknik dengan selesa. **Anda tidak akan didaftarkan sekiranya mana-mana pekara tersebut di bawah tidak dipatuhi dan mengemukakan maklumat palsu.**

*Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia juga berhak **menarik balik** tawaran tempat pengajian di PMM sekiranya terdapat percanggahan maklumat di antara dokumen asal dengan maklumat yang telah anda berikan semasa memohon ke politeknik.*

PANDUAN UNTUK KE POLITEKNIK MERLIMAU, MELAKA

Kampus PMM yang terletak 2.5 kilometer dari Pekan Merlimau. Sekiranya anda melalui lebuh raya Utara- Selatan (PLUS), anda perlu menyusur keluar ke TOL Jasin – Merlimau dan menghalau ke Pekan Merlimau. (Sila rujuk pelan lokasi PMM yang disertakan di muka belakang panduan ini.)

PERINGATAN SEBELUM PENDAFTARAN

- a. Semakan dokumen asal akan dijalankan pada hari pendaftaran. Anda **MESTI** membawa dokumen asal seperti yang diminta oleh pihak PMM. Pendaftaran anda akan **DITOLAK** sekiranya anda gagal menunjukkan dokumen-dokumen tersebut dan terdapat **PERCANGGAHAN** maklumat di antara dokumen asal dengan maklumat yang telah anda berikan semasa memohon ke politeknik.
- b. Lengkapkan semua borang yang terdapat di dalam Panduan Pendaftaran ini sebelum pendaftaran. (sila turunkan **TANDATANGAN** anda, ibu/bapa/Penjaga dan Saksi).
- c. Bayaran Yuran Pengajian, Asrama (jika ditawarkan kemudahan asrama) dan Pendaftaran **TELAH DIBAYAR** di bank menggunakan SLIP bank yang

disertakan bersama dengan buku panduan ini. Jumlah bayaran seperti yang ternaya di dalam Jadual Kutipan PMM.

Pelajar yang mendapat tajaan daripada mana-mana agensi kerajaan atau swasta hendaklah membawa bersama **SURAT PENGESAHAN PENAJAAN** (SURAT ASAL) semasa mendaftar. Mana-mana bayaran yang tidak ditanggung oleh penaja hendaklah dijelaskan oleh pelajar semasa pendaftaran.

RUPA DIRI SEMASA PENDAFTARAN

Secara umumnya pelajar-pelajar hendaklah sentiasa berpakaian kemas, bersih, menutup aurat (bagi pelajar Islam) dan bersopan.

Semua jenis pakaian yang menjolok mata adalah dilarang.

1. Pakaian dan Rupa Diri Pelajar Lelaki

Baju

- a) Baju kemeja berlengan panjang atau pendek.
- b) Baju Melayu (Baju Kebangsaan) yang lengkap sepasang dengan bersamping dan songkok hitam.
- c) Baju hendaklah sentiasa dikenakan butang dengan sempurna dan dimasukkan dalam seluar.

Seluar

- a) Seluar "slack" panjang (keutamaan warna gelap)

Kasut

- a) Hendaklah sesuai untuk kerja di pejabat dan sempurna berstokin. Kasut sukan dibenarkan. Sila rujuk kepada pensyarah masing-masing untuk kasut bengkel/makmal.
- b) Kasut berladam logam yang berbunyi bising adalah dilarang.

Rambut

- Rambut pendek dan kemas.
- Rambut berfesyen seperti “afro”, “punk”, berekor dan diwarnakan dilarang.
- Tidak botak kecuali yang disyariatkan agama.



Perhiasan

Sebarang bentuk perhiasan dilarang melainkan cincin yang tidak keterlaluan.
Cincin emas dilarang.

2. Pakaian dan Rupa Diri Pelajar Perempuan

- Pakaian yang menutup aurat(pelajar Islam), bersih, kemas dan sopan.
- Pakaian yang tidak menjolok mata(contoh pakaian yang menjolok mata ialah pakaian yang ketat, jarang, pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan seperti dada, bahu, belakang dan peha.)
- Pakaian hendaklah berlengan panjang sampai ke pergelangan tangan.

Seluar

- Seluar “slack” panjang dan tidak ketat.

Kasut

- Hendaklah sesuai untuk kerja di pejabat.
- Kasut yang berladam logam yang berbunyi bising dilarang.

Rambut

- Hendaklah kemas dan beridentitikan seorang pelajar perempuan.
- Rambut berfesyen seperti “afro”, “punk”, berekor dan diwarnakan dilarang.

Perhiasan

- a) Tidak digalakkan memakai barang kemas. Perhiasan yang berlebihan dilarang.
- b) Mencukur bulu kening dan solekan yang berlebihan dilarang.

KEMUDAHAN KAMSIS / PENGINAPAN

Kemudahan kamsis adalah terhad. Jika tuan/puan ditawarkan hanyalah untuk satu semester sahaja. Semester berikutnya anda perlu bersedia mengatur sendiri penginapan anda jika tidak ditawarkan kamsis. Pelajar Kamsis hendaklah membawa dua (2) helai kain selimut, dua (2) helai kain cadar single bed dan dua (2) sarung bantal 60cm x 40cm dan bantal sendiri.

Peralatan elektrik yang dibenarkan di kamsis: Komputer, printer, telefon bimbit dan kalkulator

Rumah sewa terdapat disekeliling politeknik, manakala kadar sewaan bergantung pada pemilik rumah sewa. Dianggarkan kadar sewa sekitar RM300 – RM800 dan jenis sewaan pula ialah sebuah rumah atau dikira mengikut kepala (per head, kadarnya RM 80-100/head)). Untuk semester berikutnya anda perlu bersedia mengatur sendiri penginapan anda jika tidak ditawarkan kamsis..

Pelajar Kamsis boleh membeli makanan dan minuman di kafeteria. Dianggarkan RM5.00 hingga RM10.00 sehari diperlukan untuk perbelanjaan makan.

BANTUAN KEWANGAN

Adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk menyediakan wang perbelanjaan secukupnya untuk sara hidup, pengangkutan, alatan pembelajaran, buku dan lain-lain. Pelajar perlu menampung sendiri segala perbelanjaan yang diperlukan sepanjang pengajian.

Pelajar dinasihatkan supaya berusaha mendapatkan maklumat dan seterusnya (kalau layak) memohon biasiswa/pinjaman dari Yayasan Negeri masing-masing sebelum mendaftar diri di PMM. Pelajar boleh menggunakan surat tawaran ke politeknik untuk tujuan tersebut. Pelajar-pelajar yang layak juga boleh memohon daripada Tabung Kebajikan Bekas Perajurit dan Tabung Kebajikan Bekas Polis.

Sukacitanya dimaklumkan bahawa pihak penaja pinjaman pendidikan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bersedia menimbang permohonan untuk mendapatkan pinjaman oleh pelajar-pelajar politeknik program Diploma manakala Bahagian Biasiswa Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) pula bersedia menimbang permohonan untuk mendapatkan pinjaman oleh pelajar-pelajar politeknik program sijil. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan permohonan para pelajar sekalian dapat diproses dengan lancar maka kerjasama anda diperlukan untuk membuat salinan dokumen-dokumen berikut yang telah disahkan bagi tujuan pinjaman pendidikan

A. Pelajar Program Diploma : Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

Taraf : Pinjaman Pendidikan (Setahun RM5,000)

1. Satu salinan kad pengenalan pelajar
2. Satu salinan kad pengenalan ibu/bapa/penjaga
3. Satu salinan keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia –SPM/SPM(V)
4. Satu salinan surat tawaran kemasukan ke politeknik
5. Satu salinan Borang BHEP5 yang lengkap dipenuhi oleh pelajar – Borang
6. BHEP5 yang asal adalah untuk simpanan pejabat Hal Ehwal Pelajar.

7. Satu salinan penyata pendapatan ibu/bapa/penjaga iaitu :
 - a. Slip gaji terkini atau Borang J (yang bermajikan) atau
 - b. Surat pengesahan pendapatan bagi yang tidak mempunyai slip gaji atau Borang J atau yang
 - c. bekerja sendiri.
8. Surat kelulusan cuti belajar dan akuan Ketua Jabatan jika kakitangan kerajaan.
9. Satu salinan sijil kematian ibu/bapa (sekiranya berkaitan) atau Surat Akuan Sumpah sekiranya ibu/bapa tidak dapat dikesan.
10. salinan Surat Pengesahan atau Akuan daripada Jabatan kebajikan Masyarakat/Pusat Zakat sekiranya pemohon/ibubapa/penjaga adalah penerima bantuan bulanan dari agensi berkenaan.
11. Dua (2) keping Setem Hasil bernilai RM10.00 setiap satu.

Kaedah Permohonan PTPTN (Secara Online)

1. Pemohon hendaklah memohon pinjaman PTPTN secara online emalui laman web pinjaman online di alamat <http://epinjaman.ptptn.gov.my>.
2. Bagi tujuan melengkapkan permohonan pinjaman PTPTN secara online, pemohon terlebih dahulu perlu mempunyai nombor akaun individu (**Bank Islam-BIMB**)
3. Pemohon perlu mendapatkan nombor PIN dari mesin ATM atau kaunter Bank Simpanan Nasional (BSN) dengan harga RM5.00 mulai sekarang. Tempoh sah laku nombor PIN adalah 6 bulan dari tarikh permohonan kali pertama dibuat.
4. Permohonan akan dibuka sepanjang tahun dan diproses mengikut tarikh yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa.
5. Pemohon yang ditolak permohonan mereka kerana masalah-masalah yang dinyatakan didalam surat penolakan, boleh membuat permohonan semula dengan menekan butang "Permohonan Semula" di dalam laman web <http://epinjaman.ptptn.gov.my> atau <http://202.184.125.150> setelah masalah tersebut diselesaikan dengan menggunakan nombor PIN asal.
6. Pemohon boleh menyemak keputusan permohonan pinjaman PTPTN di laman web Pinjaman Online di alamat <http://epinjaman.ptptn.gov.my> atau melayari laman web PTPTN bermula **3 hari** selepas tarikh tutup permohonan online untuk IPT masing-masing.

7. Pemohon yang berjaya ditawarkan pinjaman PTPTN perlu melayari Laman Web Pinjaman Online di alamat <http://epinjaman.ptptn.gov.my> dan mencetak dokumen yang disenaraikan.
8. Untuk cetakan, pastikan komputer anda mempunyai program 'Adobe Acrobat Reader'. Jika tidak, muat turun program tersebut daripada laman web <http://www.adobe.com/products/acrobat/> dan klik pada ikon 'Get ADOBE READER'. Simpan dan 'Install' di komputer anda.

Nota: untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila layari laman web PTPTN di alamat <http://www.ptptn.gov.my>

B. Pelajar Program Sijil : Bahagian Biasiswa Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT)

Taraf : Pinjaman Pendidikan (Setahun RM3,000)

1. Satu salinan kad pengenalan pelajar
2. Satu salinan kad pengenalan ibu/bapa/penjaga
3. Satu salinan penyata pendapatan ibu/bapa/penjaga iaitu :
 - i. Slip gaji terkini atau Borang J (yang bermajikan) atau
 - ii. Surat pengesahan pendapatan daripada Penghulu / Pengerusi JKKK
4. Surat kelulusan cuti belajar dan akuan Ketua Jabatan jika kakitangan kerajaan

Semua salinan dokumen-dokumen di atas hendaklah disahkan samada oleh pegawai kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional (dahulunya dikenali sebagai Kumpulan A), Penghulu, Pengamal Undang-Undang, Pesuruhjaya Sumpah, Jaksa Pendamai atau Ahli EXCO.

Anda boleh memohon secara online di laman web <http://www.politeknik.edu.my>

*Pihak penaja akan membuka akuan di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) bagi pihak anda.

C. Bantuan Kewangan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA)

Taraf : Bantuan Pendidikan

1. Salinan Kad Pengenalan.
2. Salinan Sijil Kelahiran.
3. Salinan Surat Tawaran ke IPT.
4. Salinan Sijil Berhenti Persekolahan dan Surat Akuan (Testimonial).
5. Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau sijil-sijil yang setaraf.
6. Salinan Sijil Tinggi Pelajaran (STPM) atau lain-lain sijil yang setaraf.
7. Salinan keputusan peperiksaan sesi terakhir di Universiti.
8. Salinan Muka Pertama Buku Akaun Bank (MAYBANK).
9. Keping Gambar Ukuran Pasport (Lekatkan pada borang)

SYARAT – SYARAT PEMOHON

1. Pemohon mestilah **Warganegara Malaysia** dan **Orang Asli** mengikut takrif di dalam **Akta Orang Asli 134**.
2. Umur tidak melebihi 35 tahun.
3. Pelajar-pelajar yang telah mendapat **Biasiswa / Dermasiswa / Pinjaman** dari **Agensi Kerajaan / Swasta** tidak layak memohon.

Penajaan ini adalah bagi Bantuan Kewangan Pendidikan JHEOA. Calon yang layak akan diberi Tawaran Bantuan Kewangan Pendidikan mengikut kesesuaian kursus.

Borang permohonan boleh di dapati di laman web <http://www.jheoa.gov.my> atau di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

D. Maklumat Penaja Pinjaman Pendidikan Lain (Pelajar Sijil & Diploma)

Selain daripada PTPTN dan KPTM sebagai penaja utama pinjaman pendidikan, pelajar-pelajar juga boleh memohon pinjaman / biasiswa pendidikan dari pelbagai pihak seperti badan-badan berkanun meliputi agensi kerajaan persekutuan (contoh JPA, JHEOA) dan kerajaan negeri (contoh Yayasan Selangor, Lembaga Biasiswa Negeri

Kedah) dan syarikat-syarikat swasta (contoh Kuok Foundation, Golden Hope Plantation) tetapi dalam bilangan yang terhad. Para pelajar bolehlah berusaha sendiri mendapatkan mana-mana penajaan lain atau menghubungi terus mana-mana penaja pinjaman pendidikan yang berkaitan.

LOKASI KAMPUS POLITEKNIK MERLIMAU

